

Gara-gara cemburu berbual dengan teman wanita senior

Pelajar ditekup seterika panas

Oleh MOHAMAD HAFIZI

MOHD. SAID


utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Gara-gara cemburu, seorang pelajar lelaki tingkatan dua sebuah sekolah di Teluk Intan di sini ditekup seterika panas selain dipukul sekumpulan pelajar senior dalam kejadian Khamis lalu.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, mangsa dipukul oleh sekumpulan 10 pelajar berusia 16 hingga 17 tahun di asrama sekolah itu antara pukul 12.30 malam sehingga pukul 1 pagi.

Menurut beliau, siasatan mendapati pergaduhan berpunca selepas mangsa didakwa berbual dengan seorang pelajar perempuan yang dikatakan teman wanita kepada salah seorang pelajar senior terlibat.

“Dalam kejadian itu, seorang



Dalam kejadian itu, seorang daripada suspek membawa mangsa ke bilik asrama suspek dan kemudian memukul mangsa beramai-ramai selain mencederakan mangsa menggunakan seterika panas.”

MIOR FARIDALATHRASH WAHID

daripada suspek membawa mangsa ke bilik asrama suspek dan kemudian memukul mangsa beramai-ramai selain

mencederakan mangsa menggunakan seterika panas.

“Mangsa kemudian menghubungi ibunya dan mengadu sakit di bahagian pinggang sebelum mangsa dibawa ke hospital,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mior Faridalathrash berkata, semua suspek kemudian ditahan dan direman empat hari bermula semalam sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 148/326 Kanun Keseksaan.

Utusan Malaysia semalam melaporkan seorang wanita mendakwa anak lakinya cedera akibat didera sekumpulan pelajar senior dalam kejadian di sebuah sekolah di Teluk Intan.

Kejadian itu dikongsi wanita tersebut melalui hantaran di Facebook yang mendakwa perbuatan pelajar senior itu menyebab-

kan badan anaknya melecur selain mengalami kecederaan dan lebam cedera dipercayai akibat dipukul.

Sebelum ini seramai empat pelajar sekolah menengah di Seremban terlibat dalam kes buli sehingga mencederakan seorang pelajar tingkatan satu pada 13 Mei lalu.

Sementara dalam kejadian di Sungai Petani, Kedah, seramai 20 bekas pelajar sebuah sekolah berasrama penuh di Merbok, di sini mengaku bersalah di Mahkamah Majistret atas dakwaan menyebabkan kecederaan terhadap seorang pelajar sekolah sama, dua tahun lalu.

Kesemua tertuduh yang terdiri daripada 10 remaja berusia 18 tahun dan 10 lagi berusia 19 tahun membuat pengakuan berkenaan ketika pertuduhan terhadap mereka dibacakan.